

10 APR 2002

Ling-Utar/I

MCA TERIMA TAWARAN BINA KAMPUS UTAR DI KAMPAR

KAMPAR, 10 April (Bernama) -- Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) yang akan mula menerima kumpulan pertama penuntut pada Jun ini akan membuka kampusnya di Kampar, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Ling berkata parti itu telah menerima satu tawaran daripada Kerajaan Negeri Perak untuk membina kampus itu di kawasan seluas 400 hektar di situ.

"Kami gembira untuk menerima tawaran itu dan mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar (Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali) kerana tawaran itu. Sebenarnya, negeri itu telah menawarkan dua bidang tanah termasuk yang di sini," kata beliau kepada pemberita selepas melawat kampus baru Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) cawangan Perak di sini.

Ditanya sama ada Kampar tapak tetap Utar, Dr Ling berkata, "itu sudah pasti, jika tidak mengapa kita menerima tanah ini."

Dr Ling berkata soal sama ada kampus di Kampar akan menjadi kampus induk atau ibu pejabat bagi Utar tidak timbul pada masa ini.

"Kita akan mula merancang dengan segera untuk menggunakan sepenuhnya tawaran ini. Bagi penduduk Kampar, mereka boleh mengharapkan lebih banyak pembangunan, lebih ramai penuntut dan pelancong," kata beliau.

Dr Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan kemasukkan kumpulan pertama penuntut pada 17 Jun di kampus sementara universiti itu di bekas premis akhbar The Star di Petaling Jaya.

Sehinggakan sebelum pembukaannya, Dr Ling berkata Utar telah menerima sambutan yang baik dengan lebih 4,000 penuntut telah membeli borang permohonan walaupun tarikh tutup ialah pada 22 April.

"Kami gembira dan pada masa yang sama juga bimbang. Kami menerima sambutan yang baik tetapi bimbang tidak akan dapat mengambil kesemua mereka ...rancangan kita ialah untuk bermula secara kecil-kecilan, mungkin dengan 200 penuntut terlebih dahulu," katanya.

Mengenai kampus KTAR yang baru di sini bernilai RM25 juta, Dr Ling berkata pembinaannya dijangka siap hujung tahun ini sementara kemudahan tambahan seperti kolam renang saiz Olimpik dan dewan akan dibina kemudian.

-- BERNAMA

AR PR